

SEMANGAT PATRIOTISME DALAM KALANGAN REMAJA: KEPENTINGANNYA DALAM MEMBENTUK HALATUJU NEGARA

Rosyidah Muhamad
(Malaysia)

PENGENALAN

Rancangan Malaysia Ketujuh (1996–2000) mencatatkan bilangan remaja pada tahun 1995 ialah kira-kira 19.5 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Menjelang tahun 2020, dianggarkan bilangan ini akan bertambah kepada 20 juta orang. Kedudukan ini menjadikan golongan ini sebagai satu kumpulan penting dalam menerajui masa depan negara. Mereka merupakan penentu dan penyambung pembangunan negara. Keutuhan negara amat bergantung kepada kekuatan yang wujud pada generasi muda ini. Mereka merupakan paksi kepada sesebuah negara. Golongan ini memerlukan bimbingan dan pandu arah untuk menjadi manusia yang mampu menggunakan potensi diri sebaik mungkin dan menurut arah yang betul.

Oleh itu semangat patriotisme perlu wujud dalam setiap diri golongan remaja. Sebagaimana kata-kata mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Mahathir Mohamed agar golongan belia memelihara dan mempertahankan tanah air daripada dijajah oleh orang luar. Mereka perlu tahu tentang sejarah yang berlaku pada negara. Dengan itu, mereka akan faham tentang perjuangan, cinta akan negara dan membantu negara bagi merealisasikan wawasan 2020.

Akan tetapi kita dapati kini, ramai generasi muda kurang mempunyai semangat patriotisme dalam diri mereka. Perkara ini merupakan lumrah bagi generasi muda yang lahir selepas kemerdekaan. Memandangkan semakin terhakisnya semangat patriotisme di

kalangan remaja dewasa ini, maka kajian ke atas tahap semangat patriotisme dalam diri remaja amatlah perlu.

PENGERTIAN PATRIOTISME

Patriotisme berasal dari perkataan Greek yang bermaksud tanah air. Ia merupakan satu prinsip politik yang mengandungi kecintaan pada tanah air, kebanggaan emosional terhadap sejarah negara dan ketersediaan diri untuk membela kepentingan bangsa. Mengikut Anderson (1992), konsep patriotisme dan nasionalisme walaupun pada dasarnya merupakan perasaan cinta akan negara dan saling berkait rapat tetapi ada sedikit perbezaannya. Hasil dari kajian beliau, definisi nasionalisme ialah *one's group in term of another's*. Nasionalisme berasaskan kesayangan dogmatis kepada negara dan bangsa. Ia boleh digambarkan dengan ungkapan *my country, right or wrong* (Ia tetap negaraku sama ada betul atau salah). Nasionalisme merupakan perasaan dan sikap berkaitan dengan identiti bersama sesuatu kumpulan yang berlainan dan terpisah dari kumpulan-kumpulan yang lain. Ia membezakan di antara '*in-group*' dengan '*out-group*', di antara 'kita' dengan 'mereka' (Syed Ahmad, 2004). Manakala definisi patriotisme pula ialah *a love of country that does not necessarily imply hostility to another nation*.

Akan tetapi menurut Ismail Hussein (1989), semangat patriotisme yang dicetuskan oleh fahaman kebangsaan atau yang mencetuskan nasionalisme ialah semangat yang tidak mengendahkan kebenaran dan nilai-nilai insan yang mana individu tersebut sanggup melakukan apa sahaja demi memihak kepada bangsa dan negaranya, walaupun membelakangi agama Tuhan. Walau bagaimanapun, semangat cinta akan bangsa dan watan sendiri merupakan suatu perkara biasa dalam kehidupan manusia. Akan tetapi manusia tidaklah boleh mencintai negara bangsa mereka sendiri sehingga

membelakangi agama Tuhan. Secara ringkasnya, semangat patriotisme dapatlah ditakrifkan sebagai wujud rasa cinta dan sayang terhadap tanah air sendiri dan sanggup untuk mempertahankannya tanpa ada perasaan cuba untuk memburukkan bangsa lain.

PERKEMBANGAN SIKAP INDIVIDU TERHADAP NEGARA

Perkembangan sikap manusia terhadap negara merupakan satu proses yang kompleks. Ia bermula dari zaman kanak-kanak lagi iaitu semasa proses pembelajaran mereka di rumah, sekolah, dan melalui media elektronik. Kanak-kanak mula untuk mengenali negara mereka melalui simbol-simbol seperti bendera, dan lagu negara. Bila proses perkembangan kognitif meningkat, kanak-kanak akan mula berminat kepada benda yang abstrak dan kritikal (Hess & Torney, 1967).

Mengikut Piaget dan Weil (1951), ada tiga peringkat dalam hubungan rakyat dengan negara. Peringkat pertama dikenali sebagai '*egocentrism*'. Ia peringkat yang mana kanak-kanak mengenali negara mereka melalui perkara yang mereka nampak, seperti kecantikan dan hubungan persahabatan manusia. Akan tetapi pada peringkat ini, kanak-kanak hanya ada sedikit pengetahuan sahaja tentang kerajaan. Mereka juga berfikiran positif tentang negara mereka (Nugent, 1994).

Peringkat kedua ialah peringkat '*sociocentric*' iaitu peringkat yang mana kanak-kanak hanya mengambil kira perkara yang positif dan pandangan yang tidak kritikal tentang negara mereka (Piaget & Weil, 1951). Kanak-kanak pada peringkat ini iaitu permulaan peringkat remaja, akan mula membayangkan negara mereka dari segi sejarah, warisan, dan budaya adalah lebih baik dari negara lain. Peringkat yang akhir ialah peringkat mereka meningkat dewasa. Pada peringkat ini, remaja mula bertindak balas terhadap perkara yang negatif tentang sejarah negara dan bangsa mereka. Remaja juga

mula menyelaraskan pandangan yang berbeza tentang negara mereka. Mereka juga melihat tanah air mereka merupakan sebahagian daripada dunia dan berkongsi karakter yang sama dengan negara lain.

Perkembangan ini jelas menunjukkan bahawa persepsi kanak-kanak terhadap negara mereka akan sentiasa berubah-ubah dalam proses mereka membesar. Perbezaan perkembangan seseorang individu juga boleh dilihat melalui '*social identity theory*' (SIT). Ciri-ciri teori ini mengikut Tajfel dan Turner (1986) seperti yang berikut:

1. *Individuals strive to achieve or to maintain a positive social identity.*
2. *Positive social identity is based to a large extent on favorable outgroups: the ingroup must be perceived as positively differentiated or distinct from the relevant outgroups.*
3. *When social identity is unsatisfactory, individuals will strive either to leave their existing group and join some more positively distinct group and/or to make their existing group more positively distinct.*

Teori ini menunjukkan bahawa apabila seseorang individu telah berada dalam kumpulannya maka semakin penting baginya untuk kumpulannya mengekalkan identiti yang positif. Akan tetapi, teori ini juga menunjukkan bahawa perasaan bangga terhadap kumpulan sendiri akan diikuti perasaan memburuk-burukkan kumpulan lain.

Jadi apabila seseorang remaja telah merasakan bahawa dia merupakan rakyat Malaysia, adakah patut untuknya memburukkan atau memandang rendah pada negara lain? Mengikut Hutwitz & Peffley (1990), ada beberapa ahli sarjana mengatakan bahawa perasaan bangga rakyat terhadap negaranya akan diikuti perasaan cuba untuk

memburukkan negara lain. Walau bagaimanapun mengikut Brewer (1999), *ingroup identification is independent of negative attitudes toward outgroups*. Jelas di sini, tidak mustahil untuk sesebuah bangsa itu berasa bangga atau cinta akan negaranya tanpa merendah-rendahkan negara lain dan ini merupakan sebahagian daripada konsep patriotisme (Kosterman & Feshbach, 1989).

FAKTOR KURANGNYA SEMANGAT PATRIOTISME

Semangat patriotisme bukanlah dengan hanya mengibarkan jalur gemilang. Sebagaimana Profesor Diraja Ungku Aziz mengatakan dalam *Utusan Malaysia* (20 Disember 2005), "... mengibarkan jalur gemilang hanyalah simbolik semata-mata, tidak membuang sampah merata-rata juga boleh ditakrifkan sebagai patriotisme yang mana kita sayangkan negara kita." Menurut Celester dan Torney (2002), perasaan sayangkan negara akan membuatkan remaja kurang melakukan perkara yang melanggar undang-undang. Mereka juga menyatakan bahawa "*The more one trusts the government, the less likely he is to have a strong threat perception of other nations and to believe that the nation must reign in the influence of other nations*".

Punca utama yang menyebabkan generasi muda kurang tersemat semangat nasionalisme dalam diri mereka disebabkan oleh sikap dalam kalangan remaja itu sendiri (Tan, 1985). Keadaan kehidupan mereka yang tidak pernah mengalami susah payah membebaskan negara dari cengkaman penjajah seperti perjuangan yang dibuat oleh Tok Janggut, Datuk Bahaman, Datuk Maharaja Lela dan lain-lain. Kemunculan semangat nasionalisme peringkat awal dapat dilihat sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi apabila berlaku serangan Portugis. Wujud semangat nasionalisme dalam diri orang Melayu dan keadaan ini terbukti apabila orang Melayu tidak berdiam diri, bangkit

menentang kuasa asing yang mencerobohi haknya. Penduduk Tanah Melayu terutamanya golongan muda sedar dan insaf tentang keburukan penjajahan. Hak, harta, kuasa, kedudukan, maruah dan martabat mereka dinodai oleh bangsa asing. Keadaan ini menyemarakkan lagi semangat patriotik dan perasaan cinta serta taat setia kepada bangsa dan negara.

Kewujudan unsur patriotisme juga turut terserlah dalam Hikayat Hang Tuah, sebuah epik Melayu tentang kehebatan Hang Tuah sebagai wira Melayu. Walaupun hikayat ini penuh dengan mitos dan legenda, tetapi Hang Tuah merupakan lambang kesatrian dan kepahlawanan bangsa Melayu. Dia juga merupakan satu contoh yang tinggi dan mulia dalam mengabadikan diri kepada sultan dan negara.

Sistem pendidikan negara antara faktor yang menyebabkan semangat patriotisme remaja semakin terhakis. Sistem pendidikan negara yang dipraktikkan di negara kita kurang memberi penekanan ke arah melahirkan generasi yang cintakan negara. Ini dapat diperhatikan dalam ciri-ciri kurikulum KBSR yang dibentuk dengan berlandaskan perakuan Laporan Kabinet iaitu:

Kurikulum sekolah rendah hendaklah dirancang untuk membolehkan murid mencapai kemahiran dalam tiga asas, iaitu bidang komunikasi, bidang manusia dengan alam sekitar dan bidang perkembangan diri individu sesuai dengan keperluan minat, bakat dan kemampuan mental serta kesediaan murid-murid itu (Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979: perakuan 57(a)).

Jelas di sini pengajaran dan pembelajaran di peringkat rendah ialah bercorak pendidikan asas. Kemahiran asas amat ditekankan dalam KBSR iaitu 3M—membaca, menulis dan mengira. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum (1998), KBSR hanya menekankan perkembangan dan kemahiran dalam 3M tanpa mengambil berat *tentang* perkembangan kemahiran dan sahsiah murid-murid.

Mata pelajaran khusus bagi membina dan menyemai semangat patriotisme juga kurang diberi penekanan. Walaupun pelajar tetap diajar dengan mata pelajaran Sejarah dan Pengajian Am akan tetapi sejauh manakah kepentingan kedua-dua mata pelajaran ini? Adakah pelajar yang tidak lulus mata pelajaran Sejarah tidak dapat meneruskan pengajian mereka? Adakah dengan gagal mata pelajaran Sejarah menyebabkan permohonan untuk memasuki pusat pengajian tinggi mereka ditolak?. Kesannya, kebanyakan daripada pelajar mengambil sikap acuh tak acuh sahaja kepada subjek yang boleh membina semangat untuk mereka sayangkan negara. Ini menunjukkan kemantapan sistem pendidikan negara merupakan satu elemen yang sangat penting bagi melahirkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda masa ini.

Menurut *The IEA Civic Education Study*, suasana pembelajaran dalam kelas boleh mempengaruhi semangat patriotisme pelajar. Jenis-jenis aktiviti politik yang pelajar berminat untuk sertai apabila dewasa kelak seperti perbincangan terbuka tentang isu negara dan politik yang dilakukan oleh guru yang mana pelajar boleh memberi pendapat mereka juga boleh mempengaruhi semangat patriotisme. Adakah guru menggalakkan pelajar mengeluarkan pendapat mereka sendiri? Adakah pelajar boleh menyatakan tidak setuju mereka terhadap pendapat guru? Mengikut tinjauan IEA (2002), kebolehan pelajar untuk membincangkan sesuatu isu negara dan yang lain boleh menyatakan tidak setuju itu boleh dikatakan suasana pembelajaran dalam kelas bersifat terbuka. Menurut Torney-

Purta (2001), mereka yang boleh memberikan idea mereka dengan selesa akan memberi impak yang positif dalam penyertaan mereka dalam politik. Guru yang boleh membincangkan perkara kontroversi di dalam kelas sangat penting untuk kanak-kanak dalam proses pembelajaran. (Torney, Oppenheim & Farnen, 1975). Perbincangan yang terbuka boleh mengajar pelajar untuk menjadi rakyat yang lebih kritikal dan berupaya membincangkan sesuatu isu dengan mereka yang berlainan pendapat. Suasana begini mampu membuka minda pelajar terhadap usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan negara dan secara tidak langsung mampu untuk memupuk perasaan sayangkan negara dan cuba untuk mempertahankan negara sendiri.

Akan tetapi di Malaysia, sebagaimana mengikut kajian yang dibuat oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (2002), penyertaan remaja dalam politik terpaksa dikurangkan dengan pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej 1971. Akta ini melarang pelajar daripada memegang apa juga jawatan persatuan politik di luar universiti. Pada tahun 1975, akta ini diubah untuk mengehadkan lagi penyertaan pelajar dalam politik.

“Section 15 of the Act prohibit the student organization, body or group from association with the outside organization, except as provided under the Constitution or approved by Vice-Chancellor of the respective university....”

Ini merupakan akibat daripada demonstrasi yang dilakukan oleh mahasiswa Universiti Malaya pada pertengahan tahun 1970-an. Pada masa tersebut mahasiswa mempunyai pengaruh yang sangat kuat dalam masyarakat dan mereka bergiat aktif dalam semua aspek masyarakat termasuk juga dalam politik. Akibat daripada itu, menyebabkan kebanyakan remaja kurang berminat untuk membincangkan isu-isu *tentang* negara

mahupun politik. Kejahilan golongan remaja terhadap politik menjadi punca kepada melunturnya dan kurangnya semangat tersebut. (Ramli, 1996).

KEPENTINGAN SEMANGAT PATRIOTISME

Dalam memupuk keyakinan dan kekuatan diri remaja, semangat patriotisme tidak boleh dipandang ringan. Menurut Abdul Rahim (1999), patriotisme akan mencorakkan daya ketahanan dan keiltizaman yang tinggi bagi membolehkan seseorang bertindak dengan berani dan cekal untuk mendaulatkan bangsa dan negara. Ia juga merupakan suatu sumber yang menghalalkan matlamat dan perjuangan manusia untuk kepentingan bangsa dan negara yang mana ia sebagai sumber inspirasi yang boleh berperanan membangkitkan kesedaran dan pengemblengan potensi serta meningkatkan komitmen terhadap agenda negara.

Akibat daripada luntunya semangat patriotisme menyebabkan pelbagai gejala tidak sihat berlaku dalam negara malah ia akan menjejaskan kestabilan sesebuah negara. Berdasarkan kajian yang dibuat, masalah disiplin remaja yang semakin meruncing juga akibat daripada makin terhakisnya semangat patriotisme dalam kalangan remaja. Menurut Rokiah Haji Ismail (2000), Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan laporan tentang salah laku pelajar remaja. Laporan Disiplin Pelajar Sekolah Menengah, Kementerian Pendidikan Malaysia 1991 menyatakan bahawa sesetengah pelajar bukan sahaja berani melanggar disiplin sekolah, malah terdapat segelintir yang terlibat dalam kegiatan jenayah seperti mengambil dadah, memeras ugut, kongsi gelap, cabul kehormatan, tunjuk perasaan dan bertaruh.

Menurut Abdul Rahim (1999), semangat cintakan negara merupakan asas ketahanan dan kekuatan diri yang penting dan perlu disemai serta dihayati oleh golongan

remaja supaya mereka lebih komited, berani dan yakin untuk menghadapi pelbagai cabaran demi mempertahankan bangsa dan negara. Beliau juga menegaskan jika kelunturan semangat patriotisme ini dibiarkan berlaku nescaya ia akan membawa padah yang buruk kepada pembangunan sosial dan ketahanan negara keseluruhannya. Ini kerana patriotisme menjadi salah satu unsur ketahanan nasional yang amat penting bagi meningkatkan komitmen rakyat terhadap bangsa dan negara yang mana ia dapat membentuk rakyat supaya hidup berjasa kepada negara.

Namun begitu, bagi mengatasi permasalahan ini, kerajaan sudah mengambil beberapa langkah iaitu dengan memperkenalkan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Program ini sangat patut diadakan dan patut dipuji. Program ini merupakan satu program pembinaan sahsiah diri yang bermatlamat untuk menanam semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda atau remaja di Malaysia. Melalui modul kenegaraan yang terdapat dalam program PLKN iaitu elemen tanah air juga mampu membantu peserta dalam membina serta memupuk rasa sayang kepada tanah air dan sanggup mempertahankannya. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyatakan bahawa matlamat utama PLKN ialah untuk membentuk sebuah negara Malaysia yang mempunyai nilai patriotisme yang kukuh, perpaduan yang kental dan nilai budaya serta peribadi yang unggul.

Bagi menangani kemelut masalah ini Kementerian Pendidikan wajar menubuhkan satu jawatankuasa untuk meneliti kembali kurikulum pendidikan yang sedia ada di negara ini. Diharapkan agar mata pelajaran Sejarah, Pendidikan Moral dan Kajian Tempatan akan diberikan perhatian yang serius di dalam kurikulum yang baru. Namun, langkah Kementerian Pendidikan yang memperkenalkan mata pelajaran Kenegaraan kepada mahasiswa dan mahasiswi di universiti patut dihargai. Mata pelajaran ini dijadikan satu

subjek yang wajib diambil oleh semua pelajar. Walau bagaimanapun, penekanan kepada semangat cintakan negara patut disemai sejak kecil lagi seperti mana pepatah Melayu mengatakan “melentur buluh biarlah dari rebungunya”.

Pihak media juga patut memainkan peranan yang penting dalam melahirkan masyarakat yang cintakan negara. Media elektronik contohnya, menyiarkan lebih banyak cerita yang bertemakan semangat kebangsaan pada setiap masa dan bukannya hanya pada ulang tahun kemerdekaan negara sahaja. Contohnya seperti cerita Bukit Kepung, Pasir Salak dan lain-lain. Apabila ia selalu ditayangkan, ia dapat membuka mata orang ramai khususnya golongan remaja betapa sukarnya orang-orang dahulu memperjuangkan nasib mereka bagi mencapai kemerdekaan negara.

Media cetak juga seharusnya lebih banyak menceritakan tentang sejarah lampau negara yang mana mampu untuk menerapkan semangat tersebut. Sejarah memainkan peranan yang penting bagi menanamkan semangat cintakan negara. Sebagaimana di dalam Al-Quran dalam surah Fatir: 44, Allah berfirman “Apakah mereka tidak mengembara di muka bumi, lalu mereka memperhatikan bagaimana akibat orang-orang sebelum mereka?” Dengan adanya sejarah maka manusia akan belajar dari kesilapan yang lalu.

Jadi, kita tidak boleh memandang ringan gejala tidak menyayangi bangsa dan negara sendiri. Jika ini berlaku, ia akan membawa kesan buruk kepada negara. Harus diingat generasi muda ini adalah harapan negara dan bakal menerajui kepimpinan negara.

Semangat ini perlulah disemai dalam setiap jiwa generasi muda. Kesetiaan rakyat terhadap negara akan menjadikan negara aman dan jauh daripada sebarang ancaman. Perjuangan bagi mendaulatkan nama baik negara di peringkat antarabangsa juga dapat

dilakukan jika rakyat negara ini mempunyai semangat patriotisme yang tinggi untuk menjaga nama baik negara.

BIBLIOGRAFI

Abdul Rahim Abd. Rashid, 1999. *Belia Ketandusan Semangat Perjuangan*, Dewan Budaya.

Anderson, B, 1992. *Imagined communities: Reflections on the origin and spread of nasionalism*. New York: Routledge.

Brewer, M.B., 1999. *The Psychology of prejudice: Ingroup love or outgroup hate?* Journal of Sosial Issues, Vol.55.

Hess, R.D. & Torney J.V., 1967. *The development of political attitudes in children*. Chicago: Aldine Publishing.

Jennings, M.K. & Niemi, 1974. *The political character of adolescent*. Princeton: Princeton University Press.

Kosterman, R. & Feshbach, 1989. *Towards a measure of patriotic and nasionalistic attitudes*. Journal Political Psychology, 10.

Nugent, J.K., 1994. *The development of children's relationship with their country*. Children's environment, 11.

Piaget, J. & Weil, 1951. *The developemnet in children of the idea of the homeland and of relation to other countries*. International Social Science Bulletin, 3.

Rokiah Haji Ismail, 2000. Salah Laku di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah, di dalam Abdul Rahman Embong, *Negara, Pasaran, dan Pemodenan Malaysia*, UKM, Bangi.

Tajfel, H., 1986. *The social identity theory of intergroup behavior*. Chicago: Nelson-Hall.

Tan C.Y., 1993. *Negara Kita*. Fajar Bakti: Kuala Lumpur.

Torney-Purta, J., 1989. *Civic knowledge, beliefs about democratic institutions*.

Propects,

_____ Youth in Malaysia: A Review of the youth situation and
National Policies and Programme, United Nation, New York (2002).

www.unescap.org/esid/hds/youth/youth_malaysia.pdf